

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [ PENGKALAN CHEPA ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tahap liputan rangkaian internet TM Unifi di Kelantan dan apakah usaha untuk mempertingkatkan jaringan internet di negeri ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif merangkumi penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh, stabil dan berkualiti di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek untuk menaik taraf rangkaian Jalur Lebar Unifi telah bermula di Negeri Kelantan sejak tahun 2015 di bawah inisiatif Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) - Fasa 2 dan Projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB). Projek HSBB Fasa 2 telah dimulakan di 4 ibusawat ; Kota Bharu, Kubang Kerian, Pengkalan Chepa dan Jeli manakala bagi projek SUBB, ia telah dijalankan di 26 buah ibusawat pinggir bandar di seluruh negeri Kelantan.
3. Melalui projek usahasama antara kerajaan Malaysia dengan Telekom Malaysia Berhad (TM) ini, sebanyak 22,838 sambungan internet (ports) telah disediakan sehingga tahun 2018 dimana pelanggan-pelanggan di negeri ini telah dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi .
4. Perluasan rangkaian UniFi di negeri Kelantan telah diteruskan oleh TM dalam pelaburan projek-projek berpotensi sama ada dalam bandar dan luar bandar - menjadikan keseluruhan jumlah ports UniFi yang tersedia adalah sebanyak 24,586 sehingga suku ketiga 2019. Pelaksanaan projek menaiktaraf UniFi ini akan terus dan sedang giat dijalankan dengan jangkaan sebanyak 5,000 port tambahan lagi telah dirancang sehingga akhir 2019 - menjadikan jumlah port sambungan UniFi sebanyak 30,000 menjelang akhir 2019.
5. Sehingga kini, semua 10 daerah dan jajahan di negeri ini telah termasuk dalam lokasi projek naik taraf UniFi bagi membolehkan capaian internet berkelajuan tinggi dapat disediakan kepada penduduk di seluruh negeri Kelantan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dari

## SOALAN NO : 10

masa ke semasa projek naik taraf rangkaian 'copper' kepada gentian optik fiber akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut jadual perancangan pembangunan jangka panjang TM.

6. Dengan jumlah sambungan internet UniFi sebanyak 24,584 yang telah disediakan, masih terdapat banyak sambungan internet UniFi yang boleh ditawarkan kepada rakyat Kelantan. Sehingga kini, kadar langganan UniFi adalah sebanyak 40 peratus di negeri ini.

7. Perluasan rangkaian UniFi di negeri Kelantan akan dipertingkatkan lagi dalam perancangan pada tahun 2020 dimana sebanyak 22,000 port sambungan internet akan disediakan yang menjadikan keseluruhan jumlah sambungan internet talian tetap menjelang akhir tahun 2020 dianggarkan berjumlah 52,000.

8. Dalam masa yang sama, TM sedang mempromosi jumlah sambungan internet UniFi yang masih kosong disamping menggiatkan usaha menaik taraf 24,000 pelanggan Streamyx sedia ada ke rangkaian UniFi. Selain daripada itu, penawaran perkhidmatan jalur lebar menggunakan teknologi tanpa wayar melalui perkhidmatan UniFi Air dan UniFi Mobile akan sentiasa dirancang dan dipertingkat mengikut keperluan dari masa ke semasa.